

04/01/2003

Doktrin pertahanan Singapura halalkan serang negara jiran

Dr Azmi Hassan

TIDAK dapat dinafikan lagi daripada banyak peristiwa menjelang tahun baru 2003, perutusan khas Perdana Menteri menarik perhatian orang ramai.

Lebih tepat lagi, tiga ungkapan perkataan disebut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat rakyat Malaysia terfikir sejenak mengenai cabaran yang bakal dihadapi Malaysia.

Tiga ungkapan perkataan yang dimaksudkan itu ialah pre-emptive action (serangan mengejut awalan), forward defence (pertahanan hadapan) dan bloody nose (padah).

Walaupun Perdana Menteri tidak menyebut secara langsung negara yang dimaksudkan mengamalkan strategi serangan mengejut awalan dan pertahanan hadapan dalam sistem pertahanan negara mereka, ramai yang dapat meneka jiran terdekat Malaysia, iaitu Singapura, adalah calon terbaik.

Walaupun kedua-dua konsep pertahanan itu telah lama termaktub dalam doktrin ketenteraan, ia jarang diamalkan kecuali dalam keadaan terdesak.

Sekutu kuat Amerika Syarikat (AS), iaitu Israel, dikatakan sebagai contoh terbaik negara yang mengamalkan kedua-dua konsep ini untuk mengekang kebangkitan perjuangan rakyat Palestin.

Walaupun Israel dikelilingi negara Arab, ia berjaya membawa keluar konflik dari bumi Israel. Sebab itu saban hari kita melihat peristiwa pencerobohan rejim zionis di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza.

Apabila Afrika Selatan menduduki Namibia, menyerang Angola dan Mozambique, ia dikatakan mengamalkan kedua-dua konsep ini supaya pertelingkahan tidak sampai ke Afrika Selatan.

AS juga telah belajar daripada serangan 11 September dengan mengamalkan kedua-dua konsep ini dalam menghadapi apa yang didakwa sebagai ancaman daripada Iraq.

Australia juga mengisytiharkan akan mengamalkan kedua-dua konsep ini selepas ramai warganya terkorban dalam serangan bom di Bali pada 12 Oktober tahun lalu.

Tetapi setelah mendapat tentangan dan kritikan keras negara Asia Tenggara, Perdana Menteri Australia, John Howard, cuba berdolak-dalik terhadap kenyataan asal beliau.

Setiap negara yang dikatakan telah dan akan mengamalkan konsep serangan mengejut awalan dan pertahanan hadapan adalah negara yang berada dalam situasi konflik seperti Israel, Afrika Selatan, AS dan juga Australia.

Namun, apabila Singapura dikatakan mengamalkan konsep ini dalam doktrin pertahanan mereka, ia menimbulkan banyak pertanyaan kerana republik itu bukannya berada dalam rantau yang penuh dengan pergolakan dan sengketa atau bermusuhan dengan negara jiran.

Lagipun, Singapura adalah anggota Asean yang mempunyai kerjasama bukan saja dari segi ekonomi, malah juga pertahanan. Apabila Singapura mengamalkan kedua-dua konsep ini, kerjasama pertahanan dikatakan tidak memberi apa-apa makna lagi kerana doktrin pertahanan Singapura menghalalkan serangan ke atas negara jiran lain.

Walaupun Singapura belum lagi secara terbuka dan jelas mengisytiharkan mereka adalah pengikut doktrin pertahanan Israel, tingkah laku Singapura mempamerkan dengan jelas sikap mereka yang sebenar.

Apabila Perdana Menteri Australia menyatakan bahawa tentera Australia akan menyerang sebarang negara yang disyaki menjadi pusat aktiviti pengganas, Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaysia menyuarakan bantahan keras.

Dalam keriuhan keempat-empat pemimpin negara Asia Tenggara mengkritik saranan Howard, pemimpin Singapura hanya membisu seribu bahasa.

Secara logiknya, Singapura sepatutnya melenting juga kerana mengikut definisi Howard, republik itu juga sarang pengganas kerana ramai ahli Jemaah Islamiah Singapura bergiat dan ditahan di sana selain dituduh mempunyai kaitan dengan kumpulan al-Qaeda.

Pemimpin Singapura membisu kerana mereka sebenarnya menyokong konsep serangan Australia itu.

Peristiwa penggunaan kapal perang Tentera Laut Singapura untuk menghalau bot peronda Polis Marin Malaysia di perairan Pulau Batu Putih baru-baru ini menunjukkan Singapura telah mula berani mengamalkan doktrin pertahanan serangan mengejut awalan dan pertahanan hadapan.

Apa yang lebih penting ialah bagi setiap negara yang mengamalkan doktrin pertahanan sedemikian, kepentingan negara jiran tidak akan diambil kira. Tingkah laku Israel, Afrika Selatan, AS dan Australia menunjukkan sikap sedemikian.

Itulah yang sedang diamalkan Singapura, tidak kira daripada masalah tuntutan Pulau Batu Putih sehinggalah kepada perbincangan harga bekalan air.

Singapura sebenarnya telah lama mengamalkan doktrin pertahanan ini kerana penggunaan konsep ini memerlukan keperluan teknologi ketenteraan yang terkini dan perbelanjaan yang banyak.

Setiap tahun Singapura membelanjakan tidak kurang daripada enam peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk perbelanjaan pertahanannya.

Bagi 2001 saja ia membelanjakan hampir RM16 bilion sebagai peruntukan membiayai keperluan ketenteraan dan pertahanannya.

Bagi tahun ini saja, adalah dijangkakan Singapura memperuntukkan hampir RM22 bilion walaupun pertumbuhan ekonominya dikatakan akan menguncup.

Walaupun ekonomi Malaysia dijangka berkembang dari empat hingga lima peratus tahun depan berbanding Singapura hanya dua peratus saja, kerajaan kita hanya memperuntukkan RM7.8 bilion bagi perbelanjaan pertahanan 2003.

Dalil yang gemar digunakan pemimpin Singapura untuk mengabui mata negara jiran mengenai perbelanjaan pertahanan yang besar ialah ia mempunyai keluasan tanah yang amat terhad.

Ditambah fakta ia dikelilingi oleh jiran yang lebih besar (dari segi keluasan kawasan) dan kekurangan tenaga manusia, Singapura akan berasa tertekan dan terdesak memajukan pertahanannya dengan sistem tercanggih.

Sebenarnya, perbelanjaan pertahanan yang besar itu diperlukan jika konsep serangan mengejut awalan dan pertahanan hadapan hendak diamalkan. Dalil diajukan republik itu bagi mewajarkan peruntukan itu hanya sebab digunakan untuk menutup niat sebenar Singapura.

Perolehan kelengkapan ketenteraan beberapa tahun kebelakangan ini menampakkan kesungguhan Singapura melaksanakan doktrin itu jika keadaan memaksa.

Pembangunan satelit pengintip bersama Israel menggunakan teknologi Ofeq yang dibangunkan saintis negara Yahudi itu adalah petanda begitu jelas niat tersirat jiran selatan kita itu.

Adalah dijangkakan Singapura akan melancarkan antara empat hingga lima satelit pengintip yang mampu membezakan jet pejuang sama ada daripada jenis MIG atau F-18.

Dengan peredaran orbit berdekatan Khatulistiwa untuk satelit ini, Singapura boleh membuat tinjauan aktiviti ketenteraan negara jiran secara berterusan, tidak kira siang atau malam.

Republik itu juga memiliki peluru berpandu jarak sederhana yang akan memudahkan lagi operasi serangan dilancarkan.

Negara itu telah memperoleh 100 peluru berpandu udara ke udara AIM-120C

AS dan ia adalah negara Asia Tenggara pertama yang memiliki senjata sedemikian.

Selain itu, republik berkenaan juga mempunyai kelengkapan angkatan udara sesuai sekali sebagai persiapan menyerang secara mengejut.

Perolehan 38 jet pejuang F-16, 20 helikopter tempur Apache AH-64D Longbow yang mampu membawa 16 peluru berpandu Hellfire dan kapal terbang pengisi minyak KC-135 yang mampu mengisi minyak F-16 sewaktu penerbangan, mengundang banyak pertanyaan mengenai hasrat dan matlamat negara jiran itu.

Selain itu, pembelian empat kapal selam Sea Serpent untuk mengawasi Laut China Selatan dan Selat Melaka jelas mempamerkan Singapura sememangnya mampu dan bersedia untuk menyerang jika timbul keperluan.

Ia juga mempunyai sistem pertahanan biologi, kimia dan nuklear yang tercanggih di rantau Asia Pasifik.

Seperti kata Menteri Pertahanan Singapura, Tony Tan, apabila mengumumkan bajet pertahanan 2003, sebahagian besar perbelanjaan pertahanan diagihkan untuk memantapkan lagi pertahanan serangan bentuk baru yang lebih berbahaya itu.

Untuk tujuan ini saja, Singapura memperuntukkan lebih RM200 juta bagi membangunkan apa yang dianggap sebagai penghadang serangan biologi dan kimia.

Tetapi rakyat Malaysia tidak perlu gusar dengan tingkah laku Singapura itu kerana kita bukanlah seperti Semenanjung Gaza atau Tebing Barat yang tidak mempunyai sistem pertahanan.

Walaupun Singapura lebih gah dari segi alat kelengkapan ketenteraan, Malaysia sebenarnya tidak jauh ketinggalan. Malah, jika dihitung dari segi pendedahan, kita lebih berpengalaman.

Seperti yang dijanjikan oleh Dr Mahathir, sebarang negara yang menyerang atau cuba membawa peperangan ke bumi Malaysia, maka negara itu akan menerima akibat buruk, iaitu apa disebut oleh Mat Salleh sebagai `a bloody nose.